



PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR: RANGKAIAN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI

Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) adalah sebuah program yang terdiri daripada rangkaian stesen pengawasan kualiti udara serta kualiti air sungai dan air marin yang mencerap data kualiti alam sekitar di seluruh negara. Program EQMP merupakan elemen penting bagi mewujudkan pengurusan alam sekitar yang berkesan dan lestari.

Komponen pengawasan kualiti air sungai EQMP terdiri daripada 30 stesen **pengawasan kualiti air sungai automatik (CRWQM)** dan 1,353 stesen **pengawasan kualiti air sungai manual (MRWQM)** yang terletak di seluruh negara.

Objektif pengawasan CRWQM adalah untuk mencerap data kualiti air sungai secara berterusan yang terletak di hulu muka sauk loji rawatan air di lembangan sungai terpilih. Kecuali satu (1) stesen CRWQM yang terletak di Sungai Klang bertujuan untuk memantau kualiti air sungai di bawah Projek *River of Life* (ROL).

Manakala, objektif pengawasan MRWQM pula bertujuan untuk menyediakan data trend kualiti air sungai dalam jangka masa panjang dan seterusnya sebagai asas penilaian kualiti air sungai di Malaysia. Selain itu, data MRWQM juga bertujuan untuk menilai keberkesanan strategi pengurusan dan pelan tindakan dalam membantu tindakan penguatkuasaan.

Data kualiti air sungai di stesen pengawasan automatik dijalankan secara berterusan dengan pengukuran *in-situ* bagi parameter yang berkaitan. Bagi data kualiti air sungai di stesen pengawasan manual pula, terdapat dua kaedah persampelan yang dijalankan iaitu pengukuran *in-situ* dan analisis makmal yang diakreditasi. Kekerapan persampelan

bagi program pengawasan manual adalah sebanyak enam (6) kali setahun. IKA yang diperolehi dari stesen CRWQM dan MRWQM adalah mewakili kualiti air sungai yang dipantau semasa persampelan atau semasa pengukuran data dilakukan.

Data daripada rangkaian CRWQM dan MRWQM adalah tertakluk kepada protokol kawalan kualiti serta tatacara operasi yang ketat untuk memastikan data yang dicerap adalah sahih dan tepat.